



# **PERBINCANGAN RAKYAT DEMI MELAYU**

**SIRI 19/2021**

**TAJUK:  
A'FAMOSA TERBELA, PURA TANJUNG SABTU  
TERSEKSA?**

**Panel:**

**AR. DR. MASTOR SURAT**

**PROF. DATUK PADUKA DR. MOHD ROSLI SALUDIN**

**Ditranskrip Oleh:**

**NUR ARIFAH BINTI MOHD DIN**

**Disunting Oleh:**

**NUR ARIFAH BINTI MOHD DIN**

**Terbitan:**

**GABUNGAN DEMI MALAIU**

## **A'Famosa Terbela, Pura Tanjung Sabtu Terseksa?**

Durasi: 01:43:28

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (02:43 – 03:38)**

Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera. Terima kasih kerana terus bersama dengan kami dalam Perbincangan Rakyat Demi Melayu. Baik. Pada malam ini, kita akan mengangkat topik "A'Famosa Terbela, Pura Tanjung Sabtu Terseksa?" Adakah benar dakwaan ini? Adakah ia sekadar cerita ataupun benar-benar realiti? Baik. Jadi, untuk mengupas topik pada malam ini, kita akan bersama-sama dua orang panel. Yang pertama, kita ada Ar. Dr. Mastor Surat yang merupakan Felo Kanan, Jabatan Seni Bina dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kita juga ada Prof. Datuk Paduka Dr. Mohd Rosli Saludin yang merupakan Felo Penyelidik Kanan, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia. Dengan itu, Perbincangan Rakyat Demi Melayu ingin mengucapkan selamat datang kepada para panel. Assalamualaikum.

**Para panel = (03:39)**

Walaikumussalam.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (03:41 – 04:52)**

Baik. Baik. Jadi, untuk memulakan topik dan juga persoalan pada malam ini, saya ingin membacakan satu kenyataan yang saya tujukan kepada Dr. Mastor bahawa menurut kenyataan Cordell Hull, pada tahun 1871 hingga 1955, seorang Senator Amerika Syarikat yang juga digelar Bapa PPP mengatakan jika kamu ingin memusnahkan sesebuah peradaban, mulakanlah dengan menghilangkan kesan sejarah mereka. Seterusnya, bangunkanlah dengan budaya baharu ke atasnya. Kemudian, tulislah buat mereka sejarah lain yang bukan sejarah mereka. Jika sudah begitu, masyarakat tersebut akan melupakan siapa diri mereka dan koyaklah tonggak-tonggak peradabannya. Jadi, apabila kita membaca kenyataan ini dan kita cuba memahaminya, Perbincangan Rakyat Demi Melayu hendak bertanya kepada Dr. Mastor.

***Soalan: Adakah sebagaimana yang disebut oleh Cordell Hull ini berlaku pada bangsa Melayu dan sejarah peradaban bangsa Melayu di Alam Melayu? Silakan, Dr.***

**Ar. Dr. Mastor Surat (ahli panel) = (04:57 – 27:31)**

Terima kasih, tuan pemudah cara majlis. Assalamualaikum wbt. Bismillahirrahmanirrahim (doa pembuka bicara. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya lagi untuk berkongsi sedikit maklumat ataupun pengalaman yang saya ada. Yang saya hormati, Tuan Abdul Karim yang tidak jemu-jemu berhubung dengan saya. Yang saya hormati juga, tuan panel yang bersama-sama saya pada malam ini. Saya rasa, saya tidak pernah bergandingan dengan beliau. Beliau seorang yang hebat di UKM. Okey. Sebenarnya soalan yang dilontarkan kepada saya oleh pemudah cara sangat berat. Kalau kita lihat, apa yang diperkatakan itu sebenarnya berupa serangan fikiran. Mengapa agaknya mereka memerangi kita? Satu persoalan. Ada beberapa persoalan mengapa mereka memerangi kita. Kita tertanya-tanya juga, siapa mereka sebenarnya? Siapakah mereka ini sebenarnya yang sentiasa memerangi kita? Bila mereka bertindak? Kita kena tahu juga bila mereka mula bertindak. Kenapa mereka bertindak sedemikian? Apakah tindak-tandapan susulan yang telah dibuat oleh mereka? Saya suka hendak berkongsi untuk mengenali siapa mereka. Jadi, kita mengenali musuh sebab mereka sentiasa menyerang kita. Sebagai menjawab soalan itu, saya kata, memang betul, sejarah Melayu, sejarah orang Islam sentiasa diserang, diputarbelitkan. Bagi saya, melalui kajian-kajian saya, memang betul telah diputarbelitkan. Mengapa mereka begitu? Jadi, kita cuba mencari jawapannya. Saya tertarik dengan satu falsafah. Katanya, jika kamu mengenali musuh dan mengenali diri sendiri, kamu tidak akan takut untuk berhadapan dengan beratus-ratus peperangan. Sekarang, kehidupan kita penuh dengan peperangan. Serang, tangkis, serang semula. Tetapi kita orang Melayu Islam tidak menyerang semula, kita diserang sahaja. Kemudian, katanya, jika kamu mengenali diri sendiri tetapi tidak mengenali musuh, pada setiap pertempuran, kamu akan menderita kekalahan. Jika kamu tidak mengenali diri sendiri dan tidak mengenali musuh, maka kamu akan tewas sebelum berperang. Maknanya, kita kenal diri sendiri dahulu. Kenal siapa kita. Kemudian,

apabila kita mengenali diri kita dan kita mengenali musuh, maka kita tidak akan berganjak dalam apa sahaja peperangan. Jadi, inilah yang kita harapkan. Kita kena sentiasa bertahan tetapi sebelum itu, kita kena kenal siapa musuh kita. Secara umumnya, Allah SWT telah berfirman dalam al-Quran, Surah al-Fatihah ayat 7, “jangan mengikut jalan orang yang dimurkai.” Siapa dia? Saya mencadangkan orang itu ialah iblis. Kemudian, “mereka juga yang Allah murkai.” Dalam beberapa kajian yang saya telah buat, apabila iblis enggan untuk hormat kepada Nabi Adam a.s., bukan di sahaja, malah pengikutnya juga. Jadi, pengikutnya juga dimurkai oleh Allah SWT. Dikatakan ada sekitar 200 pengikutnya, jeneral-jeneral. Saya cuba melihat, di mana mereka? Rupa-rupanya, jeneral-jeneral ini yang digambarkan melalui patung-patung. Kemudian, siapa lagi musuh orang Melayu? Dalam sambungan ayat itu, kita rujuk pula Surah al-Nas, ayat terakhir. Allah SWT berfirman, “Yang membisik-bisikkan kepada manusia adalah daripada kalangan jin dan manusia.” Jadi, jin dan manusia yang macam mana sebenarnya mereka ini, yang terus membisik-bisikkan, mengganggu gugat manusia. Kita boleh mencari sebenarnya, siapa yang menyerang kita. Okey. Kalau kita tengok, serangan ini biasanya berkaitan dengan akidah, kepercayaan, agama. Kalau kita lihat, apabila orang Islam mula berperang, Islam dibangunkan oleh Rasulullah SAW pada kurun ketujuh, perang yang terawal ialah Perang Badar. Peperangan itu disebabkan agama. Selepas itu, peperangan untuk menyelesaikan kesukaran masyarakat, umpamanya Perang Yarmouk, yang berlaku sebab orang Islam hendak menyelamatkan manusia lain yang ditindas oleh kerajaan Rom. Begitu juga dengan peperangan-peperangan yang lain. Okey. Jadi, saya nampak, penglibatan orang Melayu, kita bercakap dalam konteks Alam Melayu, mengapa mereka menyerang orang Melayu? Sebenarnya, mereka juga menyerang bangsa-bangsa lain. Apa yang saya lihat, serangan terhadap orang Melayu umpama satu dendam kepada orang Melayu yang tidak sudah-sudah. Melalui kajian saya, orang Melayu memang membantu Khalid al-Walid dalam Perang Yarmouk untuk membebaskan Syria, Jordan dan Palestin. Sampai sekarang kalau tuan-tuan lihat, bendera Jordan masih ada lambang teratai. Perisai yang digunakan oleh Khalid al-Walid yang dipamerkan di Muzium Topkapi di Turki, tamingnya ada lambang teratai. Teratai memang sinonim dengan orang Melayu. Melalui penemuan saya, askar-askar, pendekar-pendekar Melayu, raja-raja Melayu telah menyumbangkan

sekitar 40 000 orang tentera kepada Khalid al-Walid dalam Perang Yarmouk. Khalid al-Walid dengan bantuan pendekar Melayu seramai 40 000 orang dapat menewaskan Rom Byzantine dan membebaskan Syria, Jordan dan Palestin sekitar kurun ketujuh pada zaman Umar al-Khattab. Kemudian, kalau kita lihat, Perang Salib kurun ke-13 yang diketuai oleh Salahuddin al-Ayyubi. Memang ada dicatatkan raja-raja Melayu menghantar pendekar-pendekar Melayu untuk membantu Salahuddin al-Ayyubi membebaskan Baitul Maqdis. Jadi, mereka sangat marah. Kemudian, kalau kita lihat, orang Melayu juga membantu Sultan Muhammad al-Fateh untuk menawan Konstantinopel dengan bekalan 400 buah kapal, mereka tarik ke darat dan turunkan semula ke air sebanyak 72 buah kapal dalam satu malam. Maknanya, itu memang antara usaha yang dibuat oleh pendekar-pendekar Melayu. Malah, kalau kita melihat di Muzium Topkapi, lukisan askar-askar Sultan Muhammad al-Fateh, ada yang memakai serban, ada yang memakai tanjak. Jadi, ini adalah antara bukti penglibatan pendekar-pendekar Melayu dalam mempertahankan Islam di Asia Barat. Okey. Kalau kita lihat, mereka sudah mengalahkan kerajaan Andalusia di Cordova pada kurun ke-14. Tetapi kerajaan Uthmaniyyah masih kuat. Mereka melihat ada satu kumpulan di Alam Melayu, Islamnya berkembang dengan sangat hebat. Maka, mereka menghantar mubaligh-mubaligh pada kurun ke-16 termasuklah Portugis menghantar mubaligh pada kurun ke-15, mereka tidak berjaya merosakkan akidah orang Melayu. Kalau kita tengok catatan dalam buku *Malaysia* yang ditulis pada tahun 1919, dikatakan orang Melayu sangat sukar untuk dikristiankan. Mereka hanya dapat mengkristiankan kumpulan astronesia. Jadi, mereka mencari jalan mengapa sangat sukar untuk menawan orang Melayu. Dalam perbincangan yang lepas, saya kata, Portugis cuba menawan Melaka. Melaka sebenarnya bukan Kota Melaka seperti sekarang. Kalau mengikut ukuran, Kota Melaka tidak sampai satu kilometer persegi. Itulah yang sebenarnya berjaya ditawan oleh Portugis, bukan seluruh kerajaan Melaka. Kalau kita tengok, pada tahun 1511, kerajaan Melaka adalah meliputi seluruh Semenanjung dan pantai timur Sumatera. Semasa Portugis terjebak dalam Kota Melaka, Sultan Pahang, Sultan Perak, Sultan Johor masih memerintah. Maknanya, mereka tidak berjaya untuk menawan Tanah Melayu pada masa itu. Sedangkan, orang Portugis sudah berjaya menawan Brazil. Sampai sekarang, budaya orang Brazil hilang. Kalau kita lihat, Tanah Melayu ialah satu tempat yang sangat liat

bagi mereka, hendak menawan tidak boleh, hendak merosakkan agama pun tidak boleh. Maka, mereka berfikir bagaimana caranya untuk merosakkan orang Melayu. Jadi, kalau kita tengok tulisan Anwar al-Jundi, katanya, musuh-musuh orang Islam mencari jalan hendak mengalahkan orang Islam. Sangat sukar sebab orang Islam berperang untuk mati syahid, sedangkan orang bukan Islam berperang takut mati. Itu memang mereka tidak dapat untuk lawan. Mereka cuba berperang melalui fikiran. Mereka merosakkan fikiran, akidah orang-orang Islam, khususnya orang Melayu. Bagaimana caranya? Diselewengkan sebab kalau membawa masuk mubaligh-mubaligh, tidak berjaya untuk merosakkan akidah orang Melayu. Jadi, mereka cuba menggunakan daripada kalangan orang Melayu juga. Kita boleh lihat bagaimana mereka merosakkan amalan keagamaan orang Melayu dengan menghantar orang Melayu juga. Kita boleh lihat melalui fahaman Islam yang berbeza-beza. Kita boleh mengkaji siapa sebenarnya yang menubuhkan kumpulan wahabi di Asia Barat, siapa yang menubuhkan kumpulan tabligh di India. Bagaimana kedua-dua kumpulan ini mengganggu gugat orang Islam yang lain? Ini berlaku. Kemudian, mereka menukar sejarah. Sejarah orang Melayu dihilangkan. Ada catatan, dibawa empat buah kapal buku-buku orang Melayu pergi ke England. Saya tertarik dengan jumpaan oleh Ustaz Muhammad bin Abdullah al-Amin. Apabila beliau pergi ke Rusia, beliau menemui sebuah kitab syariat perundangan yang menggunakan tulisan Palava berbahasa Melayu. Tulisan Palava berbahasa Melayu menggunakan syariat Nabi Ibrahim a.s., maknanya orang Melayu memang sudah lama memegang syariat bertauhidkan Allah SWT. Bagi saya, ini satu dapatan yang sangat mengujakan. Jadi, kita kena buat kajian yang lain. Belum di tempat-tempat lain. Tulisan buku-buku ditulis menggunakan bahasa Melayu dalam tulisan Palava. Saya rasa, kita kena cari semula sebab sejarah kita telah dirosakkan. Umpamanya, bahasa. Kita bercakap bahasa Melayu tetapi kawan kita di Indonesia mengatakan bahasa Indonesia. Padahal, bahasa Melayu ini asasnya daripada bahasa Sanskrit. Maka, mereka menyelewengkan pula, dikatakan bahasa Sanskrit datangnya dari India. Padahal, ada satu konvensyen di England pada tahun 2018, dikatakan sebenarnya bahasa Sanskrit bukan datang dari India sebab orang di India, sehingga sekarang pun tidak boleh bercakap bahasa Sanskrit, melainkan untuk kegunaan agama sahaja. Sedangkan, bahasa Sanskrit masih dituturkan oleh orang Melayu di sini. Jadi, maknanya, bahasa

Sanskrit bahasa orang Melayu. Sebelum bahasa Sanskrit, namanya bahasa Suryani. Bahasa Suryani ialah bahasa yang dituturkan oleh Nabi Adam a.s. Kalau kita jumpa yang ini, kita boleh menemukan susur galur bahasa ini. Terlalu banyak lagi perkara lain yang kita boleh gali. Umpamanya, kitab Injil yang diturunkan kepada Nabi Isa a.s. berbahasa Suryani. Kalau kitab Injil berbahasa Suryani, maknanya ia diturunkan di Alam Melayu. Ada kaitan dengan *al-Hind*. Kalau kita tengok Surah Maryam ayat 24, Allah SWT berfirman, rumah Maryam berpanggung di atas sungai, Jibrail a.s. bercakap daripada kolong. Semua ini kena kalau kita kaitkan. Rumah Maryam berpanggung di atas air, kitab Nabi Isa a.s. berbahasa Suryani, Nabi Isa a.s. memakai tanjak. Daripada jumpaan-jumpaan ini, kita boleh menyimpulkan bahawa sebenarnya kebanyakan nabi berada di tempat kita, termasuklah Nabi Daud a.s. Perkara ini sudah dipadamkan. Kita hendak membetulkan semula, macam kita menongkah arus. Bagi saya, sejarah kita sememangnya dipadamkan. Kalau kita dapat membetulkan semula sejarah orang Melayu, bukan untuk berbangga tetapi sekurang-kurangnya kita mengetahui, kita menghormati datuk nenek kita yang sangat hebat. Selama 450 tahun mereka mempertahankan akidah, bukan mereka ditawan. Kalau kita boleh membetulkan semula sejarah, kita akan kagum dengan datuk nenek kita selama 450 tahun mereka mempertahankan akidah. Buat masa ini saya berhenti di sini dahulu, tuan moderator.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (27:34 – 30:14)**

Baik. Terima kasih diucapkan kepada Dr. Mastor atas penjelasan itu. Nampaknya, apa yang diucapkan kadang-kala memang di luar kotak pemikiran orang-orang Melayu moden terutamanya kerana bahan bacaan ini tidak ditemui. Hanya mereka yang mengkaji dapat mengaitkan fakta-fakta ini. Apabila didedahkan seperti ini, kadang-kadang kita mendapat pelbagai maklum balas. Seperti yang lepas, Dr. ada menyebut tentang kehebatan orang Melayu mengunci rumah. Di TikTok, terdapat pelbagai pertikaian daripada generasi muda. Ini ialah asas sejarah yang tidak ada di tempat lain, melalui pendedahan yang eksklusif. Untuk soalan seterusnya, kita hendak bertanya pula kepada Prof. Datuk Paduka Dr. Mohd Rosli Saludin yang juga merupakan Felo Penyelidik Kanan, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM, merangkap Presiden Persatuan Ekskavasi dan Akreditasi Warisan Malaysia. Kalau kita

lihat, video yang awal tadi menunjukkan bahawa A'Famosa masih dijadikan sebagai tempat pelancongan. Di Pura Tanjung Sabtu, dahulunya pernah menjadi satu tempat pelancongan tetapi pada hari ini, terbiar selepas pewaris terakhirnya meninggal dunia. Ibaratnya, tempat itu meninggal dunia bersama-sama pewaris terakhir. Sudah hampir 10 tahun, keadaan tersebut ibarat menunggu reput dimakan anai-anai. Jadi, apabila bercakap tentang keadaan bangunan dan bentuk yang terhasil, ia memang berkait dengan jati diri, rumpun bangsa dan sebagainya. Antara yang ditinggalkan di Kota Melaka ialah A'Famosa, iaitu struktur bangunan penjajah manakala Pura Tanjung Sabtu masih ada lagi struktur bangunan Melayu klasik yang mengekalkan identitinya.

***Soalan: Jadi, dari segi pandangan Prof., adakah lagi sebenarnya struktur binaan atau hasil orang Melayu yang ada di luar negara tetapi tidak pernah dibawa masuk, tiada usaha dan orang Melayu tidak pernah mengetahui kewujudannya? Silakan.***

**Prof. Datuk Paduka Dr. Mohd Rosli Saludin (ahli panel) = (30:15 – 47:18)**

Baik. Assalamualaikum wbt. Yang saya hormati, moderator, rakan panel dan juga Encik Abdul Karim. Yang ada kaitan, bahan-bahan yang ada di luar negara memang banyak, cukup banyak sebenarnya. Bangunan-bangunan yang sepatutnya kita naikkan, akhirnya tinggal. Baru-baru ini, di Perak, ada bangunan istana lama, Tengku Ampuan sendiri pun mengeluh, kenapa bangunan itu ditinggalkan, kenapa hendak dirobohkan. Ia perlu dijaga sebab ada kisah-kisah sejarah yang perlu dipelajari dan diketengahkan. Kalau dari segi bahan-bahan sejarah kita di luar negara, yang kebanyakannya dalam bentuk manuskrip yang tertulis tentang kapal-kapal, meriam yang terhebat dan banyak lagi kearifan orang Melayu yang tidak ditinjau. Menurut kajian Perpustakaan Negara Malaysia, ada anggaran 20 000 naskhah manuskrip ketamadunan Melayu yang ada di seluruh dunia. Semuanya itu wujud di seluruh dunia. 4884 naskhah asal tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia. Bayangkan kalau 20 000 tolak 4884, berapa yang tinggal? Selebihnya ada di Rusia, Algeria, Jerman, Belanda, London, Portugal. Maksudnya, mana-mana negara yang pernah menduduki ataupun datang ke negara kita, banyak menyimpan bahan-bahan itu. Sekarang, bahan-bahan ini lebih kurang 2000 salinan telah dibuat. Agak jauh



daripada bilangan yang sebenar. Saya sendiri pernah duduk di Perpustakaan Negara Malaysia. Apabila saya melihat satu demi satu bahan itu, masih banyak lagi yang belum dikupas, diolah, ilmunya belum diketengahkan. 10 peratus ke bawah yang baru ditinjau. Saya selalu berkata bahawa kita, kalau tangan kanan menggunakan tulisan Jawi, tangan kiri menggunakan tulisan rumi. Yang banyak kita gunakan sekarang ialah tangan kiri, tulisan rumi. Tulisan Jawi agak kurang, bukan semuanya pakar, pandai untuk membaca, mentafsir, mengetengahkan ilmu-ilmu dan bahan-bahan yang ada kaitan dengan tulisan Jawi. Kalau katalog manuskrip Melayu di Belanda, wujud pada tahun 1985. Katalog manuskrip Melayu di Perancis wujud pada tahun 1991. Katalog manuskrip Melayu di Jerman wujud pada tahun 1992. Katalog manuskrip Melayu di Amerika Syarikat wujud pada tahun 1993. Katalog manuskrip Melayu di Singapura wujud pada tahun 1993. Saya berpeluang untuk melihat bahan-bahan ini. Katalog manuskrip Melayu di Afrika Selatan wujud pada tahun 1998. Ini menurut pandangan Mohd Anuar Mahmud (2017). Baik. Saya hendak ulang semula bagaimana sejarah yang tidak ada di Malaysia. Maknanya, semuanya telah dibawa keluar, dibawa di atas kapal. Ribuan manuskrip Alam Melayu yang tersimpan rapi di luar negara. Ribuan manuskrip Alam Melayu dikatakan bernilai puluhan juta ringgit disimpan di beberapa lokasi di seluruh dunia, iaitu di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi, termasuk juga di Muzium Topkapi, Istanbul, Turki. Manuskrip Alam Melayu ini terdiri daripada pelbagai kategori. Antaranya, hikayat cerita Melayu, undang-undang berkanun dan ketika era kegemilangan Melaka sehingga surat rasmi raja-raja. Menerusi arkib digital di British Library, ditemui lebih kurang 100 naskhah manuskrip pelbagai bidang, termasuk kanun bertulis, sejarah Melayu, hikayat Hang Tuah serta surat daripada kesultanan Melayu kepada pembesar luar. Maknanya, kita boleh mengakses, keluarkan tetapi sejauh mana kita boleh mentafsir, menulis, mengolah dan mengeluarkan ilmu-ilmu yang ada di dalamnya untuk dikaitkan dengan kehebatan orang Melayu. Arkib digital berkenaan boleh diakses secara percuma dengan memasukkan kata kunci Jawi. Semua bahan manuskrip berkenaan ditulis dalam tulisan Jawi, ada juga dalam bahasa Arab. Setiap manuskrip memberi gambaran kepada kehidupan masyarakat, teknologi serta pengetahuan ketika ia ditulis. Kebanyakan manuskrip ini berusia antara 200 hingga 700 tahun, termasuk manuskrip besar seperti sejarah Melayu dan kitab-kitab awal

berkaitan dengan agama Islam. Saya hendak menceritakan di sini, kawan saya turun ke Central Market, merayau-rayau melihat buku-buku lama, terjumpa manuskrip abad ke-17, abad ke-18 yang dijual cuma RM50 ke RM100 sahaja sebuah, yang terletak di dalam almari. Walhal, peniaga itu tidak mengetahui bahawa bahan itu bernilai. Maknanya, masih banyak lagi bahan-bahan yang tersimpan pada tempat-tempat yang tertentu, pihak-pihak yang tertentu. Baik. Tuan-tuan dan puan-puan, saya hendak menceritakan di sini, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh sahabat tadi bahawa apabila kita berkata yang benar, orang lain pula mengatakan kita hendak mengubah sejarah. Saya hendak katakan di sini bahawa apabila kita mengkaji sejarah, di situ hebatnya orang Melayu. Apabila tidak ada bahan rujukan manuskrip, kita boleh melihat melalui catatan. Orang Melayu banyak menulis kisah-kisah sejarah dalam bentuk puisi, gurindam, pantun lama. Kemudian, kita juga boleh melihat melalui kedudukan sungai. Kadang-kadang, berdasarkan kedudukan sungai, kita boleh mentafsir topografi sesuatu tempat. Kedudukan hutan, kedudukan rumah, budaya, alat muzik, alat senjata, dialek, makanan, adat, adab dan akhir sekali, DNA. Itu hebatnya orang Melayu, tuan-tuan dan puan-puan. Saya ada pengalaman, saya pernah bersembang dengan Encik Abdul Karim. Katanya, saya banyak mengkaji tentang benda yang orang tidak pernah jumpa. Misalnya, rumah-rumah tradisi Melayu. Kalau di Negeri Sembilan, rumah tradisi orang Melayu ada tiang pecah lapan. Kalau menggunakan tiang pecah lapan, sudah pasti ketua rumah tersebut ialah pemimpin. Kalau naik ke rumah seperti itu, saya terus bercakap, “pernah dahulu sebagai pemimpin ini.” Jarang tidak tepat ramalan kita, tuan-tuan dan puan-puan. Kemudian, saya melihat tunjak langitnya. Kalau berbentuk gayung, besar kemungkinan pemimpin di rumah tersebut asalnya dahulu berkedudukan yang ada kaitan dengan syahbandar, perdagangan di sungai, di laut. Ini cantiknya. Kemudian, pintu hadapan rumah tradisi biasanya menghadap ke sungai, ke tali air, ke sawah. Kalau menghadap seperti itu, rumah tersebut ditafsirkan lebih daripada 100 tahun. Inilah yang saya katakan tadi. Apabila barang kita hilang di luar, kita mentafsir pada peringkat awal melalui kaedah seperti ini. Kemudian, kita boleh juga melihat melalui peninggalan seperti batu megalit. Batu megalit ini kadang-kadang untuk kubur, makam ataupun mungkin sebagai penanda-penanda laluan haiwan atau tempat perhimpunan. Saya hendak menyambung apa yang disebut oleh sahabat saya

tadi melalui jumpaan-jumpaan. Saya biasa berulang-alik dari tanah Minang. Bahan-bahan sejarahnya terkumpul di satu-satu tempat yang tertentu. Kita tahu batu megalitnya. Di sana, banyak rumah tradisinya yang telah ditinggalkan. Begitu juga apa yang berlaku Minangkabau yang ada di Negeri Sembilan. Itulah yang kadang-kadang kita agak sukar untuk mentafsir dan mencari. Benda-benda ini perlu dilestarikan. Bahan-bahan dalam bentuk tanbo, iaitu manuskrip lama. Saya membandingkan yang ada di Minangkabau dengan yang ada di sini. Kalau tanbo itu tahun 1830 ke atas, ia akan mengatakan adat perpatih dimulai oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang. Kalau tanbo itu tahun 1829 ke bawah, ia akan disebut sebagai Datuk Perpatih Sebatang. Kalau di tanah Minang, saya biasanya akan mendapat manuskrip-manuskrip ini sebab saya ada akses yang cukup besar di situ. Ada juga orang-orang persendirian, orang-orang tertentu yang menghadiahkan, selalu berbincang dengan saya tentang bahan-bahan seperti ini. Sejarah kita ini memang sudah diselewengkan. Kalau kita melihat di Negeri Sembilan, Penghulu Naam dikatakan telah dikerat lehernya oleh Raja Melewar. Keesokannya, hidup semula. Kemudian, dikerat lagi dan begitulah seterusnya. Siapa Penghulu Naam untuk seperti itu? Adakah sehebat sahabat-sahabat nabi? Yang sebenarnya, perkara ini telah diselewengkan untuk memburukkan bahawa pemimpin-pemimpin tertentu ada amalan-amalan ilmu yang tertentu. Saya melihat melalui puisi lama. Apa katanya dalam tanbo?

Sah batal pada penghulu,  
Pedang pemancung pada keadilan.

Kita mentafsir ini, rupa-rupanya tidak ada pemotongan leher itu. Pedang pemancung pada keadilan bermakna kuasa raja apabila pemimpinnya ada berbuat kesalahan, bulat air tegah dek ropong, bulat kata tegah dek muafakat. Jadi, banyak aspek yang kita boleh tinjau. Cukup menarik apa yang dikatakan oleh sahabat saya tadi. Apabila Nabi Daud a.s. dengan adanya besi, itu sudah pasti di Kedah Tua. Apabila saya berbincang dengan sahabat-sahabat, katanya Melaka sudah wujud pada zaman Kedah Tua. Melaka yang ada sekarang ialah pintu pelabuhan Kedah Tua. Jadi, inilah kerja orang-orang seperti kita. Walaupun orang lain mengatakan tidak betul, kita kena terus bercakap berdasarkan bukti dan juga alasan-alasan. Saya pernah berbahas dengan Datuk Adat di tempat saya untuk mengesahkan batu megalit yang di

sekelilingnya ada batu-batu yang lain. Katanya, itu batu Datuk Penghulu Luak Terachi yang pertama. Saya bertanya semula, kalau itu batu Datuk Penghulu Luak Terachi yang pertama, apa landasannya? Katanya, dia pun tidak tahu. Saya bercakap berdasarkan topografi. Saya melihat bahan-bahan kerajaan Muar-Johor berdasarkan sumber China. Saya kata, inilah zaman Jambi. Saya berhenti di sini untuk tahap yang pertama ini. Saya fikir, orang seperti kita, jangan berhenti bercakap walaupun orang mengatakan begitu, begini. Kita kena terus bercakap. Kalau kita tidak bercakap, maka orang akan belajar perkara yang tidak betul. Orang Melayu memang sudah sedia kala hebat tetapi mentaliti kita sudah diasah dengan ilmu-ilmu, budaya dan sejarah yang seperti itu. Jadi, kita kena basuh perlahan-lahan. Terima kasih.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (47:19 – 48:33)**

Baik. Terima kasih diucapkan kepada Prof. Rosli. Mengikut perbincangan ini dari awal hingga sekarang, terlalu banyak rahsia besar kehebatan orang Melayu yang didedahkan. Sehebat itu pun, kita dapat mengetahui kubur siapa, tentang struktur tiang rumah, pintu dan sebagainya. Saya percaya, ramai yang tidak mengetahui amalan-amalan, kepercayaan serta pengetahuan ini sehinggalah kita tidak ada beza dengan bangsa-bangsa lain. Kalau rumah-rumah hari ini masih dibina dengan struktur sedemikian, saya percaya, kebanggaan generasi muda bangsa Melayu yang masih meneruskan kelestarian itu pasti akan ada. Untuk menyambung kupasan yang disuarakan oleh Prof. tadi, saya hendak bertanyakan Dr. Mastor pula.

***Soalan: Kebanyak manuskrip sudah dibawa ke luar negara. Apabila kita bertanya, apakah yang dimaksudkan dengan peninggalan sejarah di Tanah Melayu ini? Dari segi definisi, apakah yang kita perlu fahamkan kepada generasi muda? Silakan.***

**Ar. Dr. Mastor Surat (ahli panel) = (48:41 – 01:10:09)**

Saya tertarik tadi apabila Dr. Rosli menyebut batu megalit. Apabila saya dengan pelajar saya membuat kajian jalan penarikan di Sungai Serting ke Sungai Jempol. Saya tengok di situ ada kawasan penempatan. Ada satu masjid yang ditinggalkan, rumah-rumah yang ditinggalkan. Di tepi masjid itu ada kubur. Di kubur itu ada batu megalit. Jadi, saya tahu bahawa batu megalit ialah batu yang hidup. Memang sudah dikaji, 1 sentimeter berkembangnya batu itu menandakan berapa tahun. Apabila saya

tengok, ini ialah kubur. Batu-batu megalit yang ada di Negeri Sembilan itu ialah kubur. Kalau kita lihat, setiap kubur itu ada dua batu megalit. Jadi, saya mengandaikan apabila kita megira mengikut kajian arkeologi, ia sudah beribu-ribu tahun. Mungkin Dr. Rosli boleh kongsi nanti. Yang saya tertarik, batu megalit itu di atas kubur dan bilangannya ialah dua. Bagi saya, itu ialah kubur orang Melayu kerana di mana-mana pun, kubur orang Melayu ada dua batu nisan. Jadi, itu ialah lambang. Melalui kajian saya, yang meletakkan dua batu nisan di atas kubur ialah orang Melayu. Tadi saya tertarik juga apabila Dr. Rosli menyebut peninggalan sejarah. Bagi ahli sejarah, ahli arkeologi, itu ialah peluang kerana melalui batu nisan inilah kita boleh mengkaji macam-macam. Orang yang seperti saya, yang mengkaji perlambangan, saya melihat bentuk-bentuk tertentu menggambarkan lambang maksud-maksud tertentu. Saya tertarik, kalau kita lihat, kebanyakan kubur lama ada bunga teratai di atasnya. Apabila kita pergi ke Hijaz, di Asia Barat, di sana pun ada batu nisan dan bunga teratai di atas kubur. Maknanya, itu orang Melayu. Betul, manuskrip kita yang menceritakan sejarah orang Melayu sudah banyak dibawa keluar. Tetapi kita kena ingat, orang Melayu masih ada di sini. Kita masih meneruskan, melestarikan sejarah orang Melayu. Dari situlah kita mengkaji kerana kita ialah artifak sejarah sebenarnya. Masalahnya, fikiran orang Melayu sekarang sudah dibudayakuningkan, dirosakkan. Ini satu masalah kepada pengkaji sejarah. Para pengkaji sejarah bermasalah untuk mengkaji manusia kerana manusia sekarang sudah berubah, peradaban sudah berubah. Tetapi kita kena mengetahui bagaimana pergerakan budaya. Umpamanya, kalau orang Barat tidak datang ke tempat kita dan mengajar kita untuk memakai tali leher dan kot, agaknya macam mana orang Melayu berpakaian? Saya terbaca satu naskhah lama yang ditulis oleh orang Barat, katanya, pakaian orang Melayu sangat hebat, sangat sempurna. Sudah memakai seluar, dipakai kain pula di luar. Maknanya, ini satu peradaban yang sangat tinggi. Apabila saya lihat, baju Rasulullah SAW dan Sayidina Fatimah r.ha. yang dipamerkan di Muzium Topkapi, bajunya ada kekek dan pesak. Di dunia ini, tiada orang yang membuat baju mempunyai kekek dan pesak kecuali orang Melayu. Saya tidak mahu mengatakan Rasulullah SAW orang Melayu tetapi saya mengatakan baginda memakai baju seperti orang Melayu. Sejarah orang Melayu masih diamalkan di tempat kita. Alhamdulillah, sekarang sudah ramai orang yang memakai tanjak. Cuma keris sahaja

yang sudah tidak dibenarkan untuk dibawa. Tadi dipersoalkan, ada atau tidak warisan di tempat kita? Memang masih ada. Cuma orang kita sudah tidak menghargai. Apabila dipersoalkan mengapa Kota A'Famosa dikekalkan, itu gimik sejarah. Walaupun hanya gimik sejarah, kita perlu menulis, memang betul Portugis datang ke Melaka tetapi dia tidak menawan Melaka tetapi dia ditawan oleh orang Melayu dalam Kota Melaka. Sejarah sepatutnya ditulis begitu. Barulah orang mengetahui bahawa Portugis sebenarnya ditawan. Kemudian, datang pula Belanda. Belanda juga tidak boleh menawan orang Melayu. Tetapi sejarah tidak mengatakan begitu. Jadi, sejarah ini perlu dibetulkan. Sekarang orang Melaka sangat bangga dengan seni bina masjid yang dibuat oleh orang Belanda. Sebenarnya masjid-masjid yang ada di Melaka sudah dirosakkan pembinaannya oleh Belanda. Di tunjuk langit masjid, ada terukir lambang-lambang zionisme di situ. Mereka meletakkan lambang-lambang zionis di bumbung masjid orang Melayu. Kalau kita lihat di Melaka, orang sudah tidak membina masjid berpanggung. Masjid Melayu, tiang utamanya ada empat tetapi di Melaka, tiang utamanya ada enam. Nampaknya macam mengejek orang Melayu. Orang Belanda sudah mengubahnya tanpa kita perasan pun. Falsafah seni bina Melayu di Melaka sudah diubah oleh Belanda. Selepas 186 tahun, Belanda meninggalkan Kota Melaka kerana tidak dapat berbuat apa-apa. Jadi, sejarah kita kena tulis begitu. Kemudian, Inggeris masuk. Inggeris meruntuhkan pagar di Kota Melaka, dengan harapan dia boleh keluar untuk menjajah orang Melayu. Tetapi dia gagal juga. Sejarah kita sepatutnya menulis begitu. Apabila pelancong tengok, mereka mengetahui bahawa Portugis, Belanda dan Inggeris sebenarnya gagal menjajah Tanah Melayu. Kita kena tulis begitu. 20 Februari 1956 sebenarnya raja-raja Melayu membebaskan Inggeris daripada dijajah dalam Kota Melaka. Saya tertarik juga dengan Pura Tanjung Sabtu, iaitu himpunan rumah warisan Terengganu. Nama yang saya fahami ialah Rumah Bujang Berselasa. Kalau kita melihat dari sudut seni bina, ia ada kaitan dengan kerajaan tua di Tanah Melayu. Gaya dan perwatakan seni bina tertua yang ada di Tanah Melayu adalah menggambarkan kerajaan tua. Jadi, saya lihat, seni bina tertua yang ada di Tanah Melayu ialah Kelantan, Perak dan Kedah. Kalau kita perhatikan, rumah-rumah yang ada di Perak, Kelantan dan Kedah, tebar layarnya ada lambang matahari terbit. Hal ini bermaksud, rumah ibu pada rumah tersebut menghadap ke kiblat. Lambang matahari terbit itu ialah lambang

matahari naik dan turun. Kalau kita pergi ke rumah lama yang ada di Kelantan, Perak dan Kedah, kita tidak perlu tanya arah kiblat. Jadi, kita menunaikan solat tidaklah menghadap ke dapur. Itu ialah gambaran yang sangat bitara. Di Terengganu, Selangor, Negeri Sembilan, ada sebahagiannya di Johor dan ada sebahagiannya di Pahang, ada satu persamaan seni bina. Melalui kajian saya, seni bina utama yang ada di Terengganu, Negeri Sembilan, Melaka, ada sedikit di Johor dan Pahang, ada persamaan dengan Balai Lompua, Sulawesi Selatan. Mereka ialah kaum Makasar, bukan Bugis. Rumah-rumah yang ada di Terengganu termasuklah Pura Tanjung Sabtu, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan sedikit di Johor dan Pahang ada kaitan dengan orang Makasar dari Sulawesi Selatan. Kalau kita lihat di Terengganu, orang-orang di Terengganu juga bercakap seperti orang Makasar di Sulawesi Selatan. Saya melihat juga tenunan kain. Mengapa tenunan kain di Terengganu berbeza dengan yang di Kelantan? Di Kelantan dan di Jawa, tenunannya banyak bunga manakala di Terengganu dan di Sulawesi Selatan, banyak kotak. Saya mengaitkan peradaban ini. Peninggalan sejarah ini bercakap sebenarnya. Ia mengeluarkan satu bahasa yang kita fahami. Daripada situlah sebenarnya kita kena betulkan semula sejarah kita. Saya pernah bercakap di Masjid Shah Alam semasa Hari Pertabalan Sultan Selangor. Ketika itu, saya menjelaskan bahawa keturunan kesultanan Selangor adalah daripada Opu Daeng, orang Luwu, orang Melayu. Mereka bertanjak, berkeris. Mereka ada persamaan dengan orang Makasar. Jadi, sejarah kita telah diputarbelitkan sebenarnya. Begitu juga dengan cerita tentang orang Siam, tentang Perang Bisik. Bagi saya, sejarah kita sudah diputarbelitkan oleh orang Barat. Lanjutan daripada persejarahan yang dikelirukan ini, kita tidak menemui jalan yang sebenar. Kita buntu. Umpamanya, apabila saya belajar membuat tanjak, ada satu tanjak namanya, Bugis Tak Balik. Saya kata, saya pergi ke Sulawesi, saya lihat orang Bugis tidak memakai tanjak. Tanjak bukan pakaian orang Bugis. Mana boleh kita menamakannya Bugis Tak Balik. Yang memakai tanjak ialah orang Makasar. Kita kena kembali kepada usul. Bagi saya, apabila mengkaji sejarah, kita kembali kepada usul, barulah kita mendapat puncanya. Barulah seronok untuk kita kembangkan. Okey. Setakat ini dahulu. Terima kasih.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (01:10:11 – 01:10:46)**

Baik. Terima kasih diucapkan kepada Dr. Mastor. Kepada Prof. Rosli pula, setelah kita mendengar daripada Dr. Mastor tadi, kita bukan hendak bercakap tentang artifak sahaja, malah hendak bercakap tentang bangunan-bangunan yang telah ditinggalkan dan terbiar, tidakkah ada usaha-usaha dan siapa sepatutnya yang terlibat dalam usaha pemuliharaan itu? Adakah sekadar pada NGO sahaja atau pada pakar pengkaji sejarah sahaja atau kerajaan negeri?

***Soalan: Siapa yang perlu bertanggungjawab untuk mengembalikan tinggalan-tinggalan sejarah ini? Silakan.***

**Prof. Datuk Paduka Dr. Mohd Rosli Saludin (ahli panel) = (01:10:54 – 01:26:03)**

Baik. Bangunan yang ditinggalkan ataupun tempat-tempat bersejarah yang tidak dilestarikan, pada saya, cukup banyak sebenarnya, bukan di satu-satu negeri sahaja. Boleh dikatakan di keseluruhan negara sebenarnya. Bukan sekadar bangunan sahaja. Misalnya, di Perak, makam J.W.W. Birch. Walaupun ia merupakan orang Inggeris yang banyak memperlakukan orang-orang Melayu dengan keadaan yang tertentu, kita harus menjaganya juga supaya anak cucu cicit kita kelak akan mengetahui siapa dia dan apa peristiwa yang berlaku pada suatu ketika dahulu. Bangunan-bangunan bersejarah ini jarang dipedulikan melainkan kalau ada suara-suara yang menyebut supaya ia mesti dijaga dengan baik. Biasanya begitu. Kalau di Negeri Sembilan, antara bangunan bersejarah ialah Masjid Pelangai. Saya menulis dalam akhbar beberapa kali menceritakan bentuk masjid yang cukup unik, yang menggambarkan kemelayuannya. Tiang tengahnya ada empat. Saya selalu menyebut, empat itu ada kaitan dengan sahabat nabi. Ada lima tiang gantungnya. Saya mentafsirkan lima kepada rukun Islam. Kalau di Negeri Sembilan, saya selalu menyebut, ada kaitan dengan pegangan ataupun sokongan kepada Datuk-datuk Undang. Saya selalu mengaitkan begitu. Bangunan-bangunan yang seperti ini biasanya kita, apabila sudah mendapat masjid baharu, maka masjid ini ditinggalkan. Walhal, ia perlu dilestarikan, perlu dijaga. Baru-baru ini, terima kasih kepada kerajaan negeri, Masjid Datuk Siamang Gagap sudah dibaiki. Tetapi saya tidak pasti sama ada mereka boleh menjalankan aktiviti apa di tempat itu, bukan sekadar muzium yang berbentuk mati sahaja di situ. Biar ia berbentuk hidup, yang boleh dibudayakan, orang boleh belajar, orang boleh mengetahui siapa Datuk Siamang Gagap, yang nama asalnya Abdul Kahar bin



Mukmin, mempunyai pengaruh yang cukup besar dalam kerajaan lama Negeri Sembilan. Bangunan-bangunan ini, kalau tidak ada suara-suara daripada NGO, orang yang tidak ada kaitan dengan kerajaan biasanya akan dipandang sepi, akan terbiar begitu sahaja. Jadi, maknanya, NGO, orang yang faham, orang yang mengetahui kena menyebut. Kalau di Melaka, saya perhatikan, kerajaan Melaka sangat mengambil berat. Ada bantuan-bantuan dalam bentuk kewangan yang tertentu, perjanjian dengan tuan-tuan rumah. Maka, bumbungnya, rumahnya dibaiki. Apabila sudah ada perjanjian, maknanya ada hubungan supaya pelancong boleh datang ke situ, boleh belajar dan boleh melihat bagaimana bentuk rumah Melaka, apa falsafahnya. Kalau di Negeri Sembilan, saya melihat, baru satu rumah yang sudah dibaiki. Saya tidak pasti perancangannya selepas itu. Apabila sudah dibaiki, memang untuk pelancong datang. Saya selalu bertanya, adakah orang tertentu boleh bercerita tentang rumah itu. Seperti kata Dr. tadi, apa falsafahnya rumah-rumah seperti itu? Rumah yang mempunyai makna, yang boleh bercakap secara tersirat. Rumah ini sebagai tempat untuk mendidik penghuninya, masyarakatnya. Kalau kita lihat, rumah-rumah di Negeri Sembilan, naik sahaja dari pintu, pintu hadapan sudah pasti rendah, membuatkan kita tunduk. Hal ini menunjukkan bahawa orang-orang tua dahulu mahukan kita belajar adab. Biar mati anak, jangan mati adat. Adab itu adalah sangat penting, sangat mustahak. Atas nama pembangunan, saya lihat banyak bangunan, makam dipindahkan. Kalau betul dipindahkan, alhamdulillah. Tetapi yang saya pasti, di tempat-tempat yang tertentu, makam dicabut batu, dilonggok di tempat-tempat tertentu. Apabila NGO atau orang yang tertentu mengetahui, dihebohkan, barulah masing-masing akan menyanyikan lagu *Bangau Oh Bangau*. Walhal, tempat-tempat itu, apabila ditinjau dan dikaji ialah tempat tokoh-tokoh yang pernah dimakamkan di situ. Ini yang agak menyedihkan. Begitu juga dengan batu megalit yang saya sebutkan tadi. Batu megalit yang terbiar, yang tidak pernah ditunjukkan kepada orang ramai, tidak pernah diceritakan. Apatah lagi kalau batu-batu itu terletak di kawasan yang agak jauh. Saya pernah pergi mencari batu seorang tokoh, gelarannya Datuk Manggis. Seminggu saya mencari, tidak jumpa. Rupa-rupanya, di atas puncak bukit. Ini tugas siapa? Adakah tempat-tempat bersejarah di kawasan tertentu, dianakangkatkan kepada persatuan A, kepada persatuan B, kepada persatuan C tetapi bertunjangkan Jabatan Warisan, misalnya. Kita kena fikir seperti itu. Kalau

tidak, benda-benda seperti ini akan terbiar begitu sahaja. Saya pernah melihat dan meninjau masjid-masjid lama di Negeri Sembilan dan Melaka. Betul kata Dr. tadi, benda-benda sebegini tidak mahu difahami dan diketahui. Oleh sebab benda ini tidak ditunjuk, maka kebanyakan masjid yang ada sekarang sudah tidak bertunjangan kearifan orang Melayu. Walhal, masjid-masjid yang tertentu itu lahirnya pejuang-pejuang, tokoh-tokoh agama. Seperti Masjid Pelangai yang saya sebutkan tadi, di situ lahirnya Maulana Lebai Maadah bin Layang, seorang tuan guru yang cukup hebat di Negeri Sembilan, yang pernah berdebat dengan orang tertentu berkenaan dengan Islam. Kemudian, tadi ada disebut tentang jalan penarikan. Apabila saya meninjau, ada satu makam yang dikatakan Tun Sen 1262, yang ada kaitan dengan Siam. Apabila saya pergi kali kedua, sudah dibangunkan tempat itu sebagai tempat menanam Musang King, sudah dinaikkan bangunan. Saya berbincang dengan orang yang mengendalikan tempat itu. Dijanjikan untuk dilestarikan makam itu. Saya pergi kali yang ketiga, tidak dibenarkan masuk. Ini yang berlaku. Kemudian, di lereng-lereng tebing penarikan itu, pertemuan antara Sungai Muar dengan Sungai Jempol, di sebelah kuasanya ada makam-makam lama, yang dalam bentuk batu lama, yang tidak dijaga, tidak dilestarikan. Kalau saya pergi membuat penyelidikan, saya betulkan, saya jaga tetapi beberapa minggu selepas itu, siapa hendak menjaganya? Ada juga batu dalam bentuk kayu. Batu itu diletakkan kemudian. Asalnya ialah kayu. Makam yang ada kaitan dengan golongan agama yang pernah menyebarkan Islam di tempat tersebut. Di tempat yang saya duduk sekarang, di sebelah hadapan ini ada satu puncak yang dinamakan Gunung Jono. Di situ, ada beberapa bukit. Ada satu tempat yang dipanggil Bukit Ponat Sembilan Bakang. Saya mendapat catatan dan cerita, di situlah tiang-tiang istana lama diambil, ditarik dengan menggunakan kerbau. Keturunan kerbau itu masih ada. Saya melontarkan pandangan itu. Saya bertanya orang yang mengkaji. Katanya, sudah keluar tesis PhD. Saya bertanya, orang yang membuat kajian itu mendapat sumber daripada mana. Katanya, sumber lisan. Jadi, apabila sumber lisan, kita boleh mempersoalkan lagi. Kalau sumber catatan, kita boleh menganalisis. Tentang pakaian yang disebut oleh Dr. Mastor tadi, orang Melayu memang unik. Kain batik boleh melambangkan pelbagai. Kalau belum berkahwin, kepala kainnya dipakai di sebelah hadapan. Kalau sudah berkahwin, kepala kainnya dipakai di sebelah belakang. Kalau balu, kepala kainnya dipakai di sebelah kanan.

Kalau janda, kepala kainnya dipakai di sebelah kiri. Tetapi orang hari ini, memakainya sahaja kerana tidak memahami falsafahnya. Tentang rumah tadi, tiang seri di tengah itu kalau di Negeri Sembilan, kebanyakan pemimpin adat akan menggunakan kayu yang diambil di bukit. Biasanya, kayu yang berusia 50 tahun dan ke atas. Kemudian, ada upacara untuk memasangnya. Tetapi kalau dibuat hari ini, orang akan mengatakan, ini amalan apa, ajaran siapa? Walhal, itulah muafakat orang Melayu yang cukup hebat, berhati-hati ketika membuat sesuatu. Saya pernah melihat, apabila dibuka rumah lama, di tiang tengah itu ada duit syiling, ada kain tertentu yang diikat. Di dalamnya tercatat tahun bila, dibuat oleh siapa. Ramai yang tidak percaya kerana mentaliti kita telah dipasak, orang Barat semua hebat. Terima kasih.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (01:26:04 – 01:26:44)**

Baik. Terima kasih diucapkan kepada Prof. Rosli. Kita sudah sampai penghujung. Kita akan berikan seminit ke dua minit kepada para panel untuk mengupas topik tentang hari ini, iaitu kebanyakan struktur yang berkait dengan rupa bangsa Melayu ini terbiar tetapi ada beberapa struktur yang memperlihatkan identiti luar masih terpelihara. Yang kita sebut, A'Famosa sebagai contoh. Tempat-tempat lain yang sepatutnya ada nilai yang sama boleh diangkat tetapi ini tidak berlaku. Kita mulakan dengan Dr. Mastor. Silakan.

**Ar. Dr. Mastor Surat (ahli panel) = (01:26:45 – 01:37:05)**

Okey. Terima kasih, saudara Hakiem. Kalau kita lihat, kebanyakan bangunan yang dibina oleh orang Barat ada yang menaja untuk pemeliharaan dan pemuliharaan. Antaranya ialah UNESCO. Siapa sebenarnya yang menaja UNESCO? Apabila di tempat kita, ada bangunan yang dibuat oleh datuk neneknya dahulu, untuk melestarikan bangunan tersebut, jadi dia menggunakan UNESCO memberikan dana kepada kerajaan kita untuk membantu menjaga. Jadi, kita mendapat duit, kita jagalah. Umpamanya, di Pulau Pinang, Melaka, Perak. Kita pun mengambil kesempatan untuk menarik kedatangan pelancong. Cuma bangunan yang dibuat oleh datuk nenek kita, kita tidak ada dana, siapa hendak menjaganya? Tiada sesiapa hendak menjaganya. Kalau kita lihat di Singapura, di sana ada banyak muzium. Antaranya, tempat benteng pertahanan terakhir askar Melayu, Leftenan Adnan, sekarang dijadikan muzium. Kerajaan Singapura menaja untuk membaik pulih rumah tersebut dan dijadikan muzium. Apabila menarik kedatangan pelancong, ada pendapatan untuk pemilik rumah tersebut. Saya mencadangkan kita pun berbuat begitu dan telah pun dibuat sebenarnya. Umpamanya, Kementerian Pelancongan telah pun menaja rumah-rumah kampung, iaitu inap desa. Mereka memberikan peruntukan kepada pemilik-pemilik rumah di kampung supaya pelancong tinggal di rumah mereka. Bagi saya, ini adalah antara pendekatan yang dibuat oleh Kementerian Pelancongan. Yang lain pun kena buat begitu. Saya rasa, kita juga ada masalah dengan pemilikan. Umpamanya, Pura Tanjung Sabtu. Kalau ada pewarisnya, mungkin boleh dijaga. Mungkin juga pewarisnya tidak ada dana untuk membaik pulih. Jadi, kena ada satu badan seperti UNESCO untuk membantu mengeluarkan modal, membangunkan sebagai pusat

pelancongan. Kerajaan negeri pula membuat promosi untuk menarik kedatangan pelancong. Jadi, kita dapat mengekalkan keadaan tersebut, Umpamanya, di Langkawi, penginapan Bonton. Saya pernah membuat kajian dengan pelajar saya di Langkawi. Saya tengok, rumah Langkawi sudah tidak ada, sudah tidak banyak rumah warisannya. Rupa-rupanya, telah dibeli oleh Bonton tetapi dipelihara sebagai tempat pelancongan. Saya bertanya, kalau saya hendak menginap di rumah itu, berapa sewanya. Katanya, seunit rumah, sewanya RM2000 untuk satu malam. Jadi, itulah nilainya bagi rumah Melayu. Kita mungkin boleh belajar sesuatu daripada apa yang berlaku di Bonton. Dikekalkan keadaan sedia ada, tidak diubah apa-apa pun. Keaslian rumah tersebut dikekalkan. Saya kagum dengan apa yang dibuat oleh mereka. Mereka ada pasaran. Saya juga melihat di Penarik, Terengganu. Pemiliknya ada inisiatif, dikumpulkan rumah-rumah orang Melayu dan dijadikan resort. Ini adalah antara usaha yang bagus. Usaha pemeliharannya memakan dana yang tinggi. Saya kagum dengannya. Dia sayang akan rumah-rumah orang Melayu. Katanya, seni bina warisan Melayu sangat hebat tetapi terbiar. Bagi saya, saya mencadangkan, kita kekalkan keasliannya. Sekitar tahun 2005, saya mendapat dana daripada Muzium Negara untuk menyediakan satu lukisan bagi mengembalikan semula seni bina yang asal Istana Tunku Puteri ataupun Istana Seri Akar. Saya menyiapkan satu lukisan. Cuma masalahnya sekarang kita hendak membina semula tetapi tidak ada dana. Jadi, lukisan itu terbiar begitu sahaja. Tetapi sekurang-kurangnya kita merekodkan bagaimana binaan sebenar istana tersebut. Jadi, bagi saya, sekiranya kerajaan berhasrat untuk mengetengahkan industri pelancongan yang berasaskan warisan ini, kena ada peruntukan untuk tugas-tugas pemeliharaan dan pemuliharaan binaan-binaan lama ini supaya boleh dilestarikan seperti yang dibuat oleh UNESCO. Saya minta maaf sekiranya apa yang saya tuturkan ini tidak boleh diterima. Apa yang saya kongsi adalah berdasarkan kajian saya. Saya ingat lagi kata-kata Prof. saya, kalau mendapat satu dapatan, hasil daripada kajian, pegang hasil itu. Selagi tidak ada orang menyangkal dapatan itu melalui kajian juga, maka teruskan memegang dapatan itu. Saya pegang kata-kata Prof. saya. Saya membuat kajian, kemudian mendapat satu dapatan, memang kebanyakannya di luar kotak. Kalau ada orang hendak menyangkal, sangkallah melalui kajian juga. Insya-Allah, saya akan terima. Tetapi kalau cakap-cakap kosong sahaja di Facebook atau di mana-mana, saya tidak

akan layan. Sekian, terima kasih. Semoga sudi untuk menjemput saya lagi. Sekian,  
assalamualaikum wbt.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (01:37:07 – 01:37:14)**

Baik. Terima kasih diucapkan kepada Dr. Mastor. Seterusnya, kita hendak mendengar kesimpulan daripada Prof. Rosli tentang topik kita pada malam ini. Silakan.

**Prof. Datuk Paduka Dr. Mohd Rosli Saludin (ahli panel) = (01:37:15 – 01:42:22)**

Baik. Saya hendak membuat kesimpulan begini sebenarnya. Pertama kali saya bergandingan dengan Dr. Mastor. Saya orang yang pertama yang sangat bersetuju dengan apa yang disampaikan dan sama seperti apa yang saya dapat, sama seperti apa yang saya fikirkan. Saya terlibat dengan Persatuan Ekskavasi dan Akreditasi Warisan Malaysia. Kalau kita lihat, ekskavasi bermaksud proses cari gali khazanah warisan. Ini yang dibuat oleh NGO kita. Akreditasi bermaksud proses pengesahan dan pengiktirafan daripada sebuah entiti kepada pencinta dan pengumpul khazanah warisan. Maknanya, bahan-bahan warisan itu diadakan sijilnya. Kita sudah pun bergerak untuk melestarikan dan menjaga. Ini salah satu daripada sumbangan kita kerana daripada pengalaman saya, apa yang saya dapat lihat, ada golongan yang turun ke lapangan menggunakan bahan-bahan warisan untuk mencari keuntungan, bukan untuk melestarikan, diketengahkan sebagai pengetahuan anak cucu cicit kita. Saya hendak mencadangkan dalam webinar pada kali ini, pihak kerajaan haruslah mewujudkan satu peraturan supaya pembina-pembina taman perumahan ataupun bangunan, letakkan peratusan yang tertentu, mesti ada rumah berbentuk tradisi ataupun ada ciri-ciri tradisi dalam bentuk-bentuk yang tertentu. Mungkin pada bumbung, tatacara angin keluar masuk, ruang dan sebagainya. Kemudian, saya ingin mencadangkan supaya pihak-pihak korporat ataupun orang perseorangan yang berkedudukan agar dijadikan sebagai keluarga angkat kepada rumah-rumah tradisi yang mempunyai sejarah yang cukup besar. Contohnya, di jalan lama Bukit Putus, di Ulu Bendol, saya pernah mencadangkan supaya tahap-tahap yang tertentu dijadikan anak angkat kawasan itu kepada persatuan yang tertentu. Mungkin Kementerian Pelancongan akan memantau. Kalau dibiarkan pihak tertentu sahaja yang menjaga, ia bermusim. Maknanya, kita perlu meletakkan semua pihak bertanggungjawab terhadap tempat-tempat warisan yang bersejarah seperti itu. Rumah-rumah tradisi, barang-barang tradisi mestilah dijaga, dilestarikan kerana ini ialah jati diri kita sebagai orang Melayu. Di sinilah peradaban dan ketamadunan kita.

Apabila kita hendak bercakap di mana-mana, inilah kemegahan kita. Kalau baju Melayu, bagaimana? Ada lima butang, melambangkan rukun Islam. Menutup keseluruhan badan, menunjukkan bahawa kita berpegang pada adat bersendikan syarak, syarak bersendikan kitabullah. Bertanjak, ada agama, bangsa, tanah air yang kita junjung. Maknanya, inilah yang kita harus pegang. Akhir kata, terima kasih kepada Dr. Mastor. Saya seronok, kita bersama-sama membincangkan pada hari ini. Terima kasih, moderator. Terima kasih, Tuan Abdul Karim. Jangan jemu untuk menjemput saya. Terima kasih.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (01:42:24 – 01:43:22)**

Baik. Jadi, itu antara ulasan daripada para panel kita. Saya mewakili generasi muda sebenarnya agak tertarik, sangat kagum, sangat terperanjat dan pelbagai perasaan yang ada setelah mendengar kajian-kajian yang tidak ada dalam buku sejarah, tidak didedahkan sepanjang saya bersekolah hingga di IPT. Apabila mendengar sendiri, membuatkan saya berasa sangat sayang, orang seusia saya tidak mengetahui asal usul. Perlu ada usaha untuk memastikan Melayu tidak putus pengetahuannya. Mana yang hilang, kita kembalikan. Baik. Dengan itu, Perbincangan Rakyat Demi Melayu akan melabuhkan tirai. Insya-Allah, pada hari Jumaat minggu hadapan kita akan bertemu lagi. Diminta kepada para panel untuk kekal dahulu bersama-sama kami. Kepada para penonton, assalamualaikum dan selamat malam.